

25 OCT 2003

Abdullah-PM (Bergambar)

SAYA TELAH SEDIA JALANKAN TANGGUNGJAWAB - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengulangi bahawa telah bersedia memikul tanggungjawab sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau juga bersedia menghadapi segala cabaran atau masalah sama ada dari dalam atau luar negara kerana cabaran akan sentiasa ada.

"Saya telah pergi banyak tempat dalam sebulan dua ini dan semuanya telah melahirkan sokongan dan kesediaan untuk bekerjasama dengan saya," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-22 Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia di sini hari ini.

Abdullah berkata demikian semasa ditanya sama ada beliau sudah bersedia mengambil alih tanggungjawab selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan 31 Okt ini.

Beliau turut menggesa rakyat, tanpa mengira agama atau bangsa, supaya bekerjasama mengeratkan perpaduan bagi mengekalkan kemajuan yang telah dicapai negara.

"Sebenarnya kalau pun kita pandai, rajin bekerja dan ada ilmu pengetahuan tetapi kalau negara tidak selamat dan kucar-kacir maka kita tidak boleh buat apa-apa...maka sebab itu saya menegaskan betapa pentingnya kita pastikan negara kita aman dan selamat," katanya.

Terdahulu dalam ucapan merasmikan mesyuarat itu, Abdullah berkata jika dibandingkan dengan negara lain, rakyat seharusnya bersyukur dengan keamanan yang dinikmati dan diharapkan tidak ada golongan yang akan menimbulkan sebarang kekacauan yang merosakkan perpaduan kaum.

"Kerajaan tidak dapat terima sebarang bentuk ekstremisme sama ada berasaskan kaum, agama atau ideologi politik...sebab sikap melampau akan membawa ketegangan dalam masyarakat kita," katanya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dalam semua bidang sehingga dikenali di peringkat antarabangsa.

"Kita tentu sekali mahu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pemimpin kita ini yang telah berjaya memimpin rakyat sehingga melahirkan rakyat yang yakin untuk menghadapi masa depan," katanya.

Presiden Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien, Datuk Tong Yoke Kim dalam ucapannya berkata masyarakat Hokkien di negara ini sentiasa memberikan sokongan padu kepada Abdullah sebagai bakal perdana menteri.

"Kami yakin bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan berjaya memimpin seluruh rakyat bagi memastikan kemajuan akan terus dicapai," katanya.

Tong berkata rakyat bagaimanapun tidak akan melupai jasa Dr Mahathir, yang begitu banyak menyumbang bakti kepada negara.

"Di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang dan membanggakan," katanya.

-- BERNAMA
SSA KHY RON